



KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA,
KELUARGA DAN MASYARAKAT

SIARAN MEDIA

SUKARELAWAN SKUAD WAJA BANTU BANTERAS ISU KEGANASAN WANITA DALAM KOMUNITI

SARAWAK, 17 FEB – YB Dato' Sri Hajah Nancy binti Shukri, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat telah merasmikan Program Semarak Skuad WAJA 2024 Peringkat Negeri Sarawak bertempat di Hotel Grand Continental Kuching hari ini. Antara objektif program ialah bagi menyebarkan luas pelaksanaan dan peranan Skuad Waja kepada pemimpin komuniti di peringkat negeri Sarawak. Program ini menasaskan penglibatan ketua-ketua komuniti di negeri Sarawak yang diberikan pendedahan berkaitan pelaksanaan dan peranan Skuad Waja bagi tujuan pemerkasaan komuniti.

Sebanyak enam (6) slot yang merangkumi sesi penerangan dan ceramah menyentuh mengenai Pengenalan Skuad Waja & Kemahiran Empati, Atensi, Respon, dan Sokongan (E.A.R.S); Wanita Anti Jenayah (WAJA); Perundangan Hak-hak Wanita: "Anda Tanya, Saya Jawab"; Kenali Gangguan Seksual & PFA Mangsa Keganasan Rumah Tangga; Sesi Sembang Santai @ "Bersusey" dan Aktiviti Kenali Diri, Pimpin Emosi telah disampaikan oleh penceramah jemputan.

Penubuhan Skuad WAJA di bawah seliaan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) bertujuan untuk memperkasakan komuniti melalui program bimbingan psikososial dan aktiviti dalam komuniti yang merangkumi aspek keseimbangan, kewangan, kemahiran dan kepimpinan. Skuad WAJA juga bertindak sebagai agen perubahan dalam usaha menangani keganasan terhadap wanita dalam komuniti serta membantu dalam membina sebuah masyarakat yang saling bantu membantu dan meningkatkan keharmonian.

Berdasarkan statistik Polis Diraja Malaysia (PDRM), kes keganasan rumahtangga bagi tahun 2023 yang telah dilaporkan di seluruh negara mencatatkan sebanyak 5,507 kes dengan sedikit penurunan kes berbanding tahun 2022 iaitu 6,540 kes. Negeri Sarawak merupakan negeri ketiga tertinggi selepas Selangor dan Kedah dengan jumlah kes keganasan rumah tangga sebanyak 473 kes pada tahun 2023 berbanding 624 kes pada tahun 2022.

Tanggungjawab membanteras keganasan terhadap wanita tidak seharusnya terletak di bahu kerajaan semata-mata. Sebaliknya ia merupakan tanggungjawab bersama yang harus dipikul oleh semua pihak termasuklah masyarakat setempat. Oleh itu, pelaksanaan program Skwad Waja akan mewujudkan sinergi yang baik antara pihak kerajaan dan komuniti dalam menangani isu keganasan terhadap wanita. Kesedaran terhadap isu keganasan terhadap wanita amat penting bagi memastikan keharmonian dan kesejahteraan masyarakat tercapai.

Sejak dari penubuhan Skwad Waja pada tahun 2021 sehinggalah Disember 2023, terdapat seramai **329,221 orang ahli Skwad Waja, dengan seramai 254,506 orang wanita (77.3%) dan 74,715 orang lelaki (22.7%)**. Bagi negeri **Sarawak** sahaja, terdapat seramai **2,919 orang ahli Skwad Waja** yang melibatkan seramai 2,807 wanita dan 112 lelaki. Sebanyak **1,012 program psikososial** Skwad Waja telah dijalankan dalam komuniti di seluruh negara yang melibatkan seramai **72,942 orang yang telah berjaya disantuni**.

###

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
KEMENTERIAN PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT 17 FEB
2024**